

18/09/1998

Calvin pastikan Malaysia layak

MALAYSIA 2 KANADA 1
AUSTRALIA 4 WALES 0

SORAKAN 'Malaysia Boleh' hadir tepat pada ketika barisan bimbingan Paul Lissek amat perlukan suntikan semangat itu dan kesudahannya skuad hoki negara membenamkan Kanada untuk menempah tiket ke separuh akhir.

Semalam, perlawanan penentuan yang mendebarkan itu jelas milik pasukan tuan rumah dan Calvin Fernandez menceriakan rakan sepasukan dengan gol kemenangan daripada pukulan kilas ketika permainan berbaki lima minit.

Ia juga menamatkan badi 23 tahun gagal layak ke separuh akhir kejohanan bertaraf dunia dan Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil dengan muatan lebih 12,000 penonton, menjadi saksi lakaran sejarah baru itu.

Pencapaian terpuji itu membantu skuad negara muncul juara Kumpulan A dengan lapan mata daripada empat perlawanan bagi mengetepikan England atas perbezaan jaringan.

Kehadiran Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar serta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Sultan Azlan Shah selaku Presiden Persekutuan Hoki Malaysia (PHM), sekadar memberi dorongan tambahan.

Ketika kemenangan disambut dengan linangan air mata pemain serta pegawai pasukan Malaysia, ia amat pahit ditelan oleh Kanada yang membantah jaringan kemenangan itu kerana bola didakwa lebih dahulu terkena badan seorang pemain tuan rumah di depan gawang mereka.

Cuaca panas jelas mempengaruhi rentak kedua-dua pasukan yang tampak bermain secara selamat tanpa banyak serangan bagi tujuan menyimpan tenaga.

Skuad negara tampak lebih yakin, khasnya ketangkasan penjaga gol, Roslan Jamaluddin, ketika aksi sumbang seri 2-2 dengan England, tempoh hari.

Keringat pemain berbalas untuk mendahului 1-0 hasil rebatan deras Nor Saiful Zaini daripada pukulan sudut penalti dan dominasi permainan pantas memihak tuan rumah.

Kanada cuba mencari ruang menyerang tapi acapkali gagal melepasi kawasan 25 ela lawan, mereka kembali bertahan, seolah-olah tidak mahu mengerah tenaga tapi menyimpannya untuk babak kedua.

Namun, selepas rehat, pasukan tuan rumah jelas menyambung aksi sama sekalipun menunjukkan sedikit tanda keletihan. Apapun, sorakan bergema di stadium ketika pemain negara mengawal baik bola, turut merancakkan saingan.

Apapun, dalam taktik mahu bertahan gara-gara mahu menjimatkan tenaga, benteng mereka sering diasak dan Kanada mendapat dua pukulan sudut penalti yang bagaimanapun dapat dikekang.

Stadium kembali sepi apabila Kanada yang gigih menyerang dianugerahkan penalti stroke pada minit ke-53 selepas Nor Saiful dikatakan menghalang usaha lawan dalam kawasan D. Ketua pasukan, Peter Milkovich, mudah menolak masuk.

Ketika kedudukan 1-1, suasana kembali muram di stadium dan hanya wajah-wajah resah terpapar memikirkan mampukah anak buah Lissek kembali mencari gol penting ketika lawan mengasak sambil menguasai permainan.

Apapun, detik bersejarah itu dilakar ketika permainan berbaki lima minit apabila Calvin mencuri kesempatan daripada pukulan percuma oleh Nor Saiful di luar kawasan D untuk membuat pukulan kilas.

Sekalipun mendapat bantahan keras pemain Kanada terhadap kesahihan jaringan itu, permainan diteruskan dan pasukan negara bertahan sehingga wisel penamat.

MALAYSIA: Roslan Jamaluddin, Maninderjit Singh, R Shankar, S Kuhan, Nor Azlan Bakar, Calvin Fernandez, Chairil Anwar Aziz, K Keevan Raj, Nor Saiful Zaini, Mirnawan Nawawi, M Kaliswaran, Chua Boon Huat, K Logan Raj, Suhaimi Ibrahim, Lam Mun Fatt

KANADA: Mike Mahodd, Ian Bird, Robin D'Abreo, Paul Wettlauper, david Yule, Ken Pereira, Peter Milkovich, Bindi Kullar, Rob Short, Ronnie Jagday, Rick Roberts, Ranjeev Deol, Scott Mosher, Brent Wilsmore

(END)